

03 MAR 2001

Abdullah - Shahnnon

CUBAAN HALANG MUSYAWARAH BERCANGGAH DENGAN ISLAM, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 3 Mac (Bernama) - Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata tindakan menentang musyawarah bercanggah dengan ajaran agama kerana Islam menggalakkan umatnya bertemu dan berbincang mengenai perkara-perkara berkaitan dengan kehidupan masyarakat.

Beliau berkata tindakan menentang musyawarah tidak baik apatah lagi yang menentangnya adalah anggota Pas, parti yang mendakwa ia berjuang kerana Islam.

"Biarlah orang menghakimkan apa yang dia cakap," katanya kepada pemberita di sini hari ini ketika diminta mengulas kenyataan Anggota Parlimen Sik, Datuk Shahnnon Ahmad yang tidak bersetuju mengenai pertemuan antara pemimpin tertinggi Umno dan Pas.

Abdullah berkata Islam menggalakkan umatnya bermusyawarah dalam hal-hal berkaitan kehidupan mereka kerana ia akan membawa kebaikan kepada pihak-pihak yang terlibat.

"Itulah pendekatan kita. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta supaya Pas tidak mengenakan syarat. Sekiranya ada apa-apa masalah, semasa perbincangan diadakan nanti, ia boleh ditimbulkan," katanya.

Pas baru-baru ini menanggungkan pertemuannya dengan Umno untuk membincangkan soal perpaduan yang dijadual berlangsung pada 19 Feb lepas. Ia juga mengenakan beberapa syarat untuk dipenuhi oleh Umno.

Abdullah berkata untuk mengadakan pertemuan itu bukanlah satu masalah yang sukar kerana perbincangan itu ialah untuk kebaikan umat Islam.

Beliau juga berkata melalui kenyataan itu, Shahnnon boleh dianggap sebagai meletakkan Pas sebagai sebuah parti yang lemah kerana mempercayai Pas mudah diperangkap oleh Umno.

"Ia adalah satu alasan yang pada pandangan saya tidak baik kerana mengharapkan supaya usaha itu gagal dilaksanakan," katanya.

-- BERNAMA

SA MAI